



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN KONSEP AMALAN PEMBELAJARAN
BERKESAN UNTUK JUVANA DI SEKOLAH
PEMULIHAN BERDASARKAN
*CONSTRUCTIVIST GROUNDED
THEORY*



05-4506832



FATHIN NURATILIA IZZATY BINTI MOHD
TARMIZI



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN KONSEP AMALAN PEMBELAJARAN BERKESAN UNTUK
JUVANA DI SEKOLAH PEMULIHAN BERDASARKAN
CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY

FATHIN NURATILA IZZATY BINTI MOHD TARMIZI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



- Sila tanda (✓)
- Kertas Projek
- Sarjana Penyelidikan
- Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
- Doktor Falsafah

✓
✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...09...(hari bulan).....09..... (bulan) 20..25..

i. Perakuan pelajar :

Saya, FATHIN NURATILIA IZZATY BINTI MOHD TARMIZI, M20222002278, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN KONSEP AMALAN PEMBELAJARAN BERKESAN UNTUK JUVANA DI SEKOLAH PEMULIHAN BERDASARKAN CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

a

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr NOOR INSYIRAAH BINTI ABU BAKAR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN KONSEP AMALAN PEMBELAJARAN BERKESAN UNTUK JUVANA DI SEKOLAH PEMULIHAN BERDASARKAN CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Sosiologi _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

01.03.2025

Tarikh

Insyrah
DR NOOR INSYIRAAH BINTI ABU BAKAR
Penyelia
 Faculty of Human Development
 Sultan Abdul Jalil Shah University
 Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBINAAN KONSEP AMALAN PEMBELAJARAN BERKESAN UNTUK JUVANA
DI SEKOLAH PEMULIHAN BERDASARKAN CONSTRUCTIVIST GROUNDED THEORY

No. Matrik / Matric's No.: M202222002278

Saya / I : FATHIN NURATILIA IZZATY BINTI MOHD TARMIZI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DOKTOR HAJI NURUL HAKIM
NURUL HAKIM
Fakulti UTM Usmaniyah
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

a
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 01.03.2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Ilahi atas segala rahmat dan pertolongan yang telah dilimpahkan sepanjang proses tesis ini berlangsung. Pertama sekali, tesis ini tidak akan berhasil jika tiada doa dari kedua-dua ibu bapa yang disayangi. Terima kasih Abah, Mohd Tarmizi bin Yahya, dan Mama, Nuroliza binti Hashim, kerana tidak pernah putus berdoa sepanjang diri ini bergelar pelajar ijazah sarjana UPSI. Tidak dilupakan juga kepada seluruh ahli keluarga, sahabat, dan rakan-rakan atas dorongan dan sokongan yang diberikan. Buat penyelia, Dr Noor Insyiraah binti Abu Bakar, terima kasih saya ucapkan atas segala ilmu, masa, bimbingan, pertolongan, serta dorongan yang tidak putus dari hari pertama saya melapor diri sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Tanpa pertolongan, bimbingan, serta dorongan yang diberikan, saya percaya tesis ini tidak dapat disiapkan. Terima kasih sekali lagi, Dr Insyiraah. Did doakan agar Dr Insyiraah sentiasa di bawah lindungan rahmat-Nya. Jutaan terima kasih juga kepada warga pentadbir dan guru-guru Sekolah Tunas Bakti atas segala perkongsian yang diberikan. Buat responden-responden kajian, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan tanpa lelah sepanjang proses pengutipan data dijalankan. Akhir sekali, buat diri ini, terima kasih kerana berjaya melawan perasaan ingin putus asa dalam diri sendiri. You reap what you sow!





ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana keperluan pembinaan konsep amalan pembelajaran berkesan bagi juvana. Kajian ini juga meneroka cara pengajaran dilaksanakan oleh guru, mengenal pasti elemen-elemen penting yang menyokong pembelajaran berkesan untuk juvana, dan mencadangkan konsep yang sesuai untuk mencapai pembelajaran tersebut. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk ‘*Constructivist Grounded Theory*’ (CGT) telah dipilih. Melalui pensampelan bertujuan, seramai 23 responden terlibat, termasuk 18 guru, 3 pentadbir sekolah, dan 5 pakar pendidikan. Tiga kaedah pengumpulan data digunakan: temubual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen. Analisis data secara tematik dilaksanakan untuk menjawab objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat keperluan untuk membina konsep amalan pembelajaran berkesan kerana juvana menghadapi pelbagai masalah pembelajaran. Dengan pembinaan konsep ini, masa depan mereka dapat lebih terjamin. Selain itu, pelbagai pendekatan pengajaran telah dikenalpasti untuk membantu pembelajaran juvana, seperti pengajaran berulang, aktiviti permainan, tayangan video, dan aktiviti berkumpulan. Empat elemen penting yang perlu diberi perhatian untuk memastikan pembelajaran berkesan adalah elemen guru iaitu terbahagi kepada kelayakan guru, pendekatan pengajaran guru dan sikap guru, elemen juvana yang terbahagi kepada minat, emosi serta kesediaan untuk belajar, elemen sekolah pemulihan iaitu sokongan pihak pentadbiran serta kemudahan pembelajaran, dan elemen masyarakat yang terdiri daripada sokongan keluarga dan sokongan daripada pihak luar. Kesimpulannya, bagi memastikan pembelajaran berkesan untuk juvana, ia tidak hanya bergantung kepada pengajaran guru, tetapi juga memerlukan penekanan pada elemen-elemen lain dari perspektif sosiologi. Implikasi kajian ini menyumbang kepada penambahbaikan pendidikan juvana melalui pembinaan konsep amalan pembelajaran yang berkesan, yang boleh dijadikan panduan kepada semua pihak yang terlibat.





THE DEVELOPMENT OF THE CONCEPT OF EFFECTIVE LEARNING PRACTICES FOR JUVENILES IN REHABILITATION SCHOOLS BASED ON CONSTRUCTIVIST *GROUND*ED THEORY

ABSTRACT

This study seeks to determine the need for an effective learning concept for juveniles, explore teaching methods, identify key elements for successful learning, and propose a suitable framework for achieving this. A qualitative approach using *Constructivist Grounded Theory* (CGT) was employed. Through purposive sampling, 23 participants were involved, including 18 teachers, 3 school administrators, and 5 education experts. Data collection involved three methods: in-depth interviews, observations, and document analysis, with thematic analysis applied to address the research objectives. The findings highlight a significant need for developing an effective learning concept due to the various challenges faced by juveniles. This framework aims to support their future. Additionally, several effective teaching strategies were identified, including repetitive learning, game-based learning, video screening, and group-based learning. The study also identifies four critical elements for effective learning: teachers, juveniles, rehabilitative schools, and society. In conclusion, successful learning for juveniles relies not only on teachers but also on these other elements, emphasizing a sociological perspective. This study contributes to improving juvenile education by proposing an effective learning concept that can serve as a guideline for all stakeholders.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.7 Definisi Operasi	14
1.7.1 Amalan Pembelajaran	14
1.7.2 Juvana	14
1.7.3 Sekolah Pemulihan	15
1.7.4 Delikuensi	16
1.8 Batasan Kajian	16

1.9	Kepentingan Kajian	18
1.10	Rumusan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	<i>Grounded Theory</i>	22
2.2.1	<i>Classical Grounded</i>	25
2.2.2	<i>Straussian</i>	29
2.2.3	<i>Constructivist</i>	32
2.3	Akta Kanak-Kanak Malaysia	38
2.4	Dasar Kanak-Kanak Negara	40
2.5	Dasar Pendidikan Negara	42
2.6	Sekolah Pemulihan Juvana	44

2.7	Masalah Pembelajaran Juvana dan Cabarannya	46
2.8	Rumusan	50

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	52
3.2	Rekabentuk Kajian	52
3.3	Lokasi Kajian	57
3.4	Responden Kajian	60
3.5	Prosuder Pengumpulan Data Kajian	65
3.5.1	Kaedah Temubual	65
3.5.2	Kaedah Pemerhatian	68
3.5.3	Kaedah Analisa Dokumen	70
3.6	Prosuder Analisa Data Kajian	71
3.6.1	Pengkodan Awal	72

3.6.2 Pengkodan Terfokus	74
3.7 Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian	75
3.7.1 Triangulasi	76
3.7.2 Ketepuan	78
3.8 Rumusan	78

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	80
4.2 Analisa Data Berdasarkan Objektif Pertama Kajian	81
4.2.1 Masalah Pembelajaran Juvana	81
4.2.2 Masalah Hadapan	83
4.2.3 Rumusan untuk Objektif Pertama	84
4.3 Analisa Data Berdasarkan Objektif Kedua Kajian	86
4.3.1 Pengajaran Secara Berulang	86
4.3.2 Pelaksanaan Aktiviti Permainan	89
4.3.3 Tayangan Video	90
4.3.4 Aktiviti Berkumpulan	92
4.3.5 Rumusan untuk Objektif Kedua	94
4.4 Analisa Data Berdasarkan Objektif Ketiga Kajian	96
4.4.1 Elemen Guru	96
4.4.1.1 Kelayakan Guru	97
4.4.1.2 Pendekatan Pengejaran Guru	99
4.4.1.3 Sikap Guru	100
4.4.1.4 Rumusan Elemen Guru	102
4.4.2 Elemen Juvana	105
4.4.2.1 Minat	105

4.4.2.2	Emosi	106
4.4.2.3	Kesediaan Belajar	108
4.4.2.4	Rumusan Elemen Juvana	109
4.4.3	Elemen Sekolah Pemulihan	112
4.4.3.1	Sokongan Pihak Pentadbiran	112
4.4.3.2	Kemudahan Pembelajaran	114
4.4.3.3	Rumusan Elemen Sekolah Pemulihan	117
4.4.4	Elemen Masyarakat	119
4.4.4.1	Sekongan Keluarga	119
4.4.4.2	Bantuan Luar (Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan)	120
4.4.4.3	Rumusan Elemen Masyarakat	122

4.5 Rumusan

124

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	126
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian Obejktif Kajian Pertama	127
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian Obejktif Kajian Kedua	130
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian Obejktif Kajian Ketiga	137
5.5	Perbincangan Dapatan Kajian Obejktif Kajian Keempat	147
5.6	Implikasi Kajian	151
5.7	Cadangan-Cadangan berkaitan Kajian	154
5.8	Rumusan	156

RUJUKAN 158**LAMPIRAN** 198

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Perbezaan ketiga-tiga aliran <i>Grounded Theory</i>	37
2.2 Senarai Sekolah Tunas Bakti Seluruh Malaysia	45
3.1 Lokasi Kajian: Sekolah Pemulihan Mengikut Jantina Dan Zon	59
3.2 Bilangan Respondean Kajian Untuk Guru Beserta Profil	62
3.3 Bilangan Responden Kajian Untuk pentadbir STB Beserta Profil	63
3.4 Bilangan Responden Kajian Untuk Pakar Pendidikan Beserta Profil	63
3.5 Jumlah Keseluruhan Responden	64
3.6 Prosedur Pengumpulan Data Dan Instrumen Kajian	66
4.1 Elemen-Elemen Penting Bagi Memastikan Pembelajaran Berkesan Berlaku Dalam Kalangan Juvana: Elemen Guru	103
4.2 Elemen-Elemen Penting Bagi Memastikan Pembelajaran Berkesan Berlaku Dalam Kalangan Juvana: Elemen Juvana	110
4.3 Elemen-Elemen Penting Bagi Memastikan Pembelajaran Berkesan Berlaku Dalam Kalangan Juvana: Elemen Sekolah Pemulihan	118
4.4 Elemen-Elemen Penting Bagi Memastikan Pembelajaran Berkesan Berlaku Dalam Kalangan Juvana: Elemen Masyarakat	123



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	12
3.1	Gambaran CGT oleh Charmaz	55
3.2	Konsep CGT	56
3.3	Aliran Pengkodan	75
5.1	Pembinaan Konsep Amalan Pembelajaran Berkesan untuk Juvana	151





SENARAI SINGKATAN

CGT	<i>Constructivist Grounded Theory</i>
GT	<i>Grounded Theory</i>
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
STB	Sekolah Tunas Bakti





SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temubual Guru
- B Protokol Temubual Pentadbir
- C Protokol Temubual Pakar IPTA
- D Borang Persetujuan Menjadi Responden Kajian
- E Surat Lantikan Sebagai Panel Pakar Pengesahan Data Kajian





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan beberapa aspek penting mengenai juvana serta amalan pengajaran dan pembelajaran terbaik untuk mereka di sekolah pemulihan. Antara sub-topik yang akan dibincangkan adalah latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, dan persoalan kajian. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan kepentingan pelaksanaan kajian ini dan merincikan kerangka konseptual yang digunakan. Akhir sekali, bab ini akan ditutup dengan beberapa definisi istilah penting dan rumusan berkaitan kajian

1.2 Latar Belakang Kajian

Kanak-kanak adalah aset negara yang sangat berharga kerana merekalah pelapis yang akan memimpin negara suatu hari kelak (Mohd Yusoff & Tahir, 2019) dan fasa ini





adalah fasa di mana mereka menunjukkan nilai minat yang tinggi dalam sesuatu perkara di mana ia dikaitkan dengan perkembangan fizikal, psikologi serta kognitif (Le, Phan, Vu, & Vu, 2023). Berdasarkan statistik 2021 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), dianggarkan seramai 9.13 juta daripada jumlah 32.7 juta orang adalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun iaitu bersamaan dengan 28 peratus. Melalui peratusan ini, kanak-kanak adalah populasi kedua terbesar di Malaysia jika dibandingkan dengan kelompok kumpulan yang lain (DOSM, 2021).

Berdasarkan data dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang telah dinyatakan di atas, dapat dilihat bahawa golongan ini mempunyai nilai yang besar dalam perkembangan negara, maka perlindungan kepada kanak-kanak juga adalah satu keperluan kerana dalam keadaan tertentu, mereka mungkin akan terdedah kepada bahaya seperti terlibat dengan tingkah laku devian (Mohd Yusof & Tahir, 2019). Namun, tidak semua kanak-kanak mempunyai nasib yang sama di mana terdapat sebilangan kanak-kanak yang digelar sebagai juvana, iaitu golongan yang terlibat dengan delinkuensi menurut perspektif ilmu sosiologi.

Pengkaji sosiologi mendefinisikan delinkuensi sebagai perlakuan yang bukan hanya melanggar nilai dan norma masyarakat, tetapi turut juga melanggar undang-undang negara (Pires & Almeida, 2023; Oparaduru, 2021; Clinard & Meier, 2011, 2015). Menurut laporan dari Brahim dan Mohammad (2021), kes delikuen menunjukkan peningkatan yang sangat ketara dari tahun 2015 iaitu sebanyak 4,607 kes kepada 5,443 kes pada tahun 2017, dan jumlah ini termasuklah pesalah berulang. Manakala statistik jenayah kanak-kanak yang dinyatakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM, 2020) juga menunjukkan kenaikan kes dari 4,833 kes pada tahun 2019 kepada 5,342 kes pada tahun 2020. Hal ini mendatangkan keresahan apabila





Serpas dan Merkl (2020) juga menulis bahawa anggaran 43,000 hingga 48,000 kanak-kanak telah ditempatkan di pusat pemulihan pada tahun 2017 di seluruh negara.

Secara asasnya, terdapat tiga jenis sekolah pemulihan untuk juvana yang diselenggarakan oleh JKM iaitu Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak, dan Taman Seri Puteri (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021). Setiap juvana ditempatkan ke sekolah pemulihan yang berlainan bergantung kepada kesalahan yang telah dilakukan. Berdasarkan penulisan Sullivan (2018), tujuan utama penubuhan sekolah pemulihan juvana adalah untuk memberikan pemulihan dan bukannya untuk menghukum. Hal ini kerana, setiap juvana yang ditempatkan di sekolah pemulihan digelar sebagai pesalah dan bukannya penjenayah. Seterusnya, Farid (2021) juga menyatakan bahawa kenaikan kes juvana haruslah dipandang serius di mana setiap sekolah pemulihan haruslah memainkan peranan yang penting untuk memberi perlindungan dan panduan kepada pesalah juvana. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini, sekolah pemulihan yang dipilih adalah Sekolah Tunas Bakti.

Secara dasarnya, Sekolah Tunas Bakti (STB) adalah sekolah pemulihan juvana di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), iaitu satu agensi kerajaan di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM). Agensi JKM inilah yang akan bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang sewajarnya kepada kanak-kanak yang terlibat dalam delikueni (Intan Noraini, Taufik Mohammad & Azlinda Azman, 2021). Salah satu tanggungjawab STB adalah untuk memberikan pendidikan yang tertentu, misalnya dengan menyediakan kelas akademik dan bengkel kemahiran selari dengan saranan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Dasar Kanak-Kanak Negara. Kenyataan ini juga disokong oleh Le et al. (2023); Martha dan Yawe (2022), di mana perbezaan sekolah





pemulihan juvana dengan penjara untuk golongan dewasa adalah di mana pihak sekolah pemulihan juvana akan menyediakan kelas pembelajaran dan pengajaran, iaitu kelas akademik.

Akan tetapi, Adam (2004) menyatakan bahawa juvana memang tidak berminat dalam bidang akademik. Le et al. (2023) juga berpendapat yang sama dengan mengulas bahawa punca delikunsi adalah disebabkan tahap akademik kanak-kanak yang rendah. Khurshid dan Urooj (2012) juga melaporkan faktor utama terjadinya delinkuensi dalam kalangan kanak-kanak adalah disebabkan kurangnya pendidikan kepada mereka, baik dari sosial ataupun moral. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab STB agar dapat menarik minat juvana dalam pendidikan. Salah satunya adalah melalui amalan pembelajaran yang bermutu serta efektif sebagaimana yang difokuskan dalam kajian ini.



Natijahnya, STB mempunyai objektif penting untuk mengubah para juvana menjadi insan yang baik tingkah lakunya dan sekali gus menyediakan peluang pembelajaran serta kemahiran vokasional (Abu Bakar et al., 2021). Hal ini disokong oleh Abdul Hadi et al. (2010); Martha dan Yawe (2022), di mana dengan mewujudkan sekolah pemulihan, ini adalah ibarat peluang kedua bagi pesalah juvana kerana mereka masih mentah untuk berfikir secara rasional serta mengawal emosi mereka tentang masa hadapan mereka (Steinberg dan Scott, 2019). Ditambah lagi, jika mereka ditempatkan ke penjara, ini sangatlah tidak adil kerana mereka memerlukan sokongan dan dorongan dalam menuju jalan yang terbaik buat diri mereka (Mielke, 2023).





1.3 Penyataan Masalah

Sebagai negara yang membangun, sistem pendidikan di Malaysia memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Sistem pendidikan bukan hanya sekadar memainkan peranan untuk menyediakan ilmu, tetapi yang paling penting, ia membantu dalam membangunkan kecekapan diri dan nilai dalam diri individu (Juhari et al., 2022 & Devis, 2019). Begitu juga dalam konteks juvana apabila pendidikan menjadi tunjang utama di sekolah pemulihan. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa ramai bekas tahanan juvana dapat menyesuaikan diri dalam komuniti dengan menggunakan ilmu yang telah mereka pelajari semasa proses pemulihan mereka di sekolah pemulihan.

Ditambah lagi, kehadiran mereka juga dapat diterima baik oleh masyarakat (Fashiku, Oluwatoyin dan Oluwaseyi, 2022). Penerimaan positif oleh masyarakat adalah salah satunya berpunca daripada pemberian ilmu pendidikan yang sempurna kepada juvana ketika berada dalam tempoh pemulihan.

Selain itu, Hassan dan Minggu (2022); Powel (2021) juga menyatakan bahawa perlu dan pentingnya ilmu pendidikan dan latihan kemahiran diberikan kepada juvana untuk mengekalkan sikap positif dalam kalangan kelompok ini dan sekaligus dapat mengurangkan risiko pengulangan delikueni. Abu Bakar et al. (2021) juga menyokong kenyataan ini di mana, seandainya para juvana didedahkan dengan ilmu dan kemahiran, ia merupakan nilai tambah dalam diri mereka untuk mencari pekerjaan setelah dibebaskan dan sekaligus pengulangan delikueni juga dapat dielakkan (Mielke, 2023; Serpas & Merkl, 2020).





Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab bagi pihak-pihak yang terlibat seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memberikan perlindungan dan pembelajaran yang sewajarnya buat juvana. Seperti yang menjadi amalan di Malaysia, kanak-kanak yang telah melibatkan diri ke kancah delinkuensi akan ditempatkan di sekolah pemulihan tertentu di mana dalam konteks kajian ini, Sekolah Tunas Bakti telah menjadi pilihan. Apabila juvana ditempatkan di sekolah pemulihan, ini akan memberi peluang pendidikan buat mereka (Hassan & Rosly, 2021), iaitu pendidikan akademik dan juga pendidikan kelas kemahiran ataupun turut dikenali sebagai kelas vokasional. Hal ini amatlah penting kerana pendidikan buat kanak-kanak adalah diwajibkan seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak Malaysia.

Namun begitu, tidak dinafikan bahawa inisiatif kerajaan dalam menubuhkan sekolah pemulihan atau juga dirujuk sebagai institusi pemulihan di seluruh negeri untuk golongan juvana ini perlu dibanggakan. Akan tetapi, tahap pembelajaran yang diberikan masih kurang memuaskan apabila terdapatnya pelaporan data kes pengulangan jenayah oleh juvana yang menunjukkan kenaikan (DOSM, 2019). Berdasarkan kajian oleh Yoon, Quinn dan Robertson (2019), mereka turut membahaskan bahawa aspek pembelajaran kanak-kanak juvana mempunyai masalah kerana ia masih belum diteliti atau diberi perhatian secara menyeluruh.

Berdasarkan pemerhatian dan bacaan, juvana yang ditempatkan di sekolah pemulihan mempunyai masalah yang sama dalam pembelajaran mereka iaitu kurangnya minat dan motivasi untuk belajar (Vilkova & Fadeeva, 2021; Mielke, 2023; Azam et al., 2021; Christian, 2022), tahap intelek iaitu IQ yang rendah (Badiktsie, 2023; Rufiatun, 2021; Dardas et al., 2022), emosi yang tidak stabil (Green et al., 2020; Snehil dan Sagar, 2020), pencapaian akademik yang kurang memuaskan (Le et al.,





2023; Coker, 2021) serta pelbagai masalah lagi. Disebabkan oleh masalah-masalah pembelajaran inilah yang menyebabkan perlunya untuk kajian ini dijalankan supaya juvana boleh menikmati pendidikan berkesan dan bermutu yang sama seperti kanak-kanak di sekolah harian biasa.

Ketidakminatan untuk mendapatkan pelajaran dalam konteks ini berdasarkan pandangan Juhary et al. (2020), yang menyatakan bahawa sejak tahun 2010, terdapat peningkatan sebanyak 55 peratus kanak-kanak yang tidak bersekolah. Kajian oleh Coker (2021) dan Tärnhäll et al. (2023) turut menguatkan pandangan ini, di mana mereka menerangkan bahawa deliquensi dalam kalangan individu di bawah umur ini disebabkan oleh keciciran daripada alam persekolahan.

Selain itu, tahap intelek yang rendah juga menjadi penyebab kajian ini dijalankan. Kajian Ozer dan Akhbas (2020) menunjukkan bahawa majoriti juvana mempunyai tahap intelek atau IQ yang rendah. Wallinius (2019) juga membahaskan bahawa skor IQ juvana berada pada tahap yang membimbangkan. Kesan daripada skor yang rendah ini menyebabkan berlakunya deliquensi. Hal ini dapat difahami bahawa tahap intelek yang rendah berkait rapat dengan keputusan yang kurang baik (Serpes & Merkl, 2020), yang akhirnya membawa kanak-kanak ini kepada perilaku devian. Oleh itu, kajian ini perlu diketengahkan untuk membantu juvana dan secara tidak langsung memperbaiki proses pembelajaran mereka.

Emosi juga memainkan peranan penting dalam permasalahan pembelajaran juvana (lihat Green et al., 2020 & Bowser et al., 2019). Berdasarkan kajian yang dilakukan di India oleh Snehil dan Sagar (2020), 70 peratus juvana mengalami tahap emosi yang bercelaru. Emosi yang tidak stabil ini menyumbang kepada masalah





pembelajaran yang mereka hadapi.

Tambahan lagi, kadar literasi 3M iaitu membaca, menulis dan mengira mereka juga berada pada tahap yang lemah (Hassan & Yusry, 2021) dan ini menyukarkan lagi bagi pihak sekolah pemulihan untuk memberi pendidikan yang normal iaitu pendidikan seperti sekolah biasa kepada juvana jika tiada garis panduan yang sewajarnya diketengahkan. Oleh yang demikian, pembinaan konsep amalan pembelajaran berkesan buat juvana haruslah bersesuaian dan selari dengan kehendak era ke-21 kini (Hushaini & Sarudin, 2020).

Secara jujurnya, sekolah pemulihan juvana agak ketinggalan dari sudut pembelajaran berbanding dengan sekolah harian biasa (Panons, 2024). Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang harus diketengahkan untuk mendapatkan konsep amalan pembelajaran yang efektif untuk kepentingan pembelajaran juvana.

Apabila sesuatu konsep baharu ingin dicadangkan, ia harus bermula dengan mengenalpasti keperluan konsep tersebut. Sebagai contoh, dalam konteks kajian ini, kajian ini haruslah mengenalpasti apakah amalan pembelajaran efektif buat juvana, pendekatan pengajaran oleh guru serta elemen-elemen penting agar pembelajaran berkesan dapat dinikmati oleh juvana dan inilah menjadi intipati utama dalam kajian ini. Kesemua ini harus diterokai secara mendalam dan terperinci agar pembelajaran yang terbaik juga dapat dinikmati oleh mereka. Sesungguhnya, pengkaji amat mengharapkan agar juvana dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakan sebaya mereka yang lain yang berada di sekolah harian biasa.





Selain itu, justifikasi mengapa kajian ini harus dijalankan adalah untuk memenuhi Dasar Kanak-Kanak Negara (DKN) di mana antara objektif KDN adalah mewajibkan setiap kanak-kanak mencapai perkembangan yang holistik. Salah satu cara untuk mencapai perkembangan holistik adalah melalui pemberian pembelajaran yang berkesan untuk juvana. Sememangnya, untuk mencapai salah satu objektif yang telah dinyatakan oleh DKN ini tidaklah begitu sukar kerana pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak-pihak yang berwajib untuk setiap individu kanak-kanak (JKM Pulau Pinang, 2023), terutamanya di sekolah harian biasa. Namun, bagi juvana yang berada di sekolah pemulihan atau di institusi pemulihan, mereka seolah-olah dipinggirkan.

Oleh yang demikian, Farid (2021) menekankan bahawa permasalahan pembelajaran juvana di sekolah pemulihan haruslah diperbetulkan supaya ia berkesan dan boleh digunapakai oleh semua pihak yang terlibat. Hal ini kerana, sekolah pemulihan pada zaman sekarang bukanlah seperti zaman tradisional di mana berteraskan untuk menjaga para tahanan sehingga tamat tempoh tahanan sahaja. Namun, ketika ini, tujuannya adalah untuk merubah diri juvana untuk kembali semula ke dalam komuniti masyarakat (Mielke, 2023). Maka, melalui kenyataan ini, adalah menjadi keperluan untuk mengkaji isu ini agar aspek pembelajaran juvana dapat diperbaiki dan bertambah berkesan.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, berikut merupakan objektif kajian ini:

- i. Mengetahui keperluan untuk mencadangkan kerangka amalan pembelajaran



berkesan bagi juvana.

- ii. Meneroka cara pengajaran yang dilaksanakan oleh guru untuk juvana.
- iii. Meneroka elemen-elemen penting yang memastikan pembelajaran berkesan dalam kalangan juvana.
- iv. Mencadangkan kerangka untuk memastikan pembelajaran berkesan dalam kalangan juvana berdasarkan analisis data kajian.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, empat soalan kajian telah dibentuk seperti di bawah:

- i. Sejauh manakah keperluan mencadangkan kerangka amalan pembelajaran berkesan untuk juvana?
- ii. Bagaimanakah pengajaran dilaksanakan oleh guru untuk juvana?
- iii. Apakah elemen-elemen penting bagi memastikan pembelajaran berkesan berlaku dalam kalangan juvana?
- iv. Apakah kerangka bagi memastikan pembelajaran berkesan berlaku dalam kalangan juvana berdasarkan olahan data kajian?


1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini adalah berbeza dari kerangka yang biasa dilihat dalam kajian yang sedia ada. Kebiasaannya, kerangka konseptual



bermula dengan teori-teori sosiologi; namun, kajian ini tidak dimulakan dengan teori seperti kajian yang lain. Hal ini kerana kajian ini menggunakan reka bentuk *Constructivist Grounded Theory* (CGT), di mana hasil dapatan kajian akan diketengahkan dan menjadi satu kerangka atau teori (Charmaz, 2006, 2014). Al-Eisawi (2022) juga menyatakan hal yang sama, di mana *Constructivist Grounded Theory* (CGT) adalah metod untuk menjalankan kajian, di mana ia memfokuskan untuk mencipta kerangka konseptual atau teori berdasarkan data yang telah dianalisis. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual yang dijalankan sepanjang kajian berlangsung.



Rajah 1.1*Kerangka Konseptual Kajian*

Berdasarkan Rajah 1.1, kerangka konseptual ini adalah yang disarankan oleh pengasas *Constructivist Grounded Theory* (CGT) sendiri iaitu Kathy Charmaz (2006, 2014) di mana kajian yang menggunakan pendekatan *Constructivist Grounded Theory* akan terus dimulai dengan mengutip data yang berkaitan berpandukan kepada objektif-objektif kajian. Pengutipan data dijalankan kepada semua responden yang terlibat



dengan menggunakan pelbagai kaedah, sebagaimana yang diterangkan pada Bab 3.

Pada fasa kedua ini, pengkaji perlu menganalisis data yang telah dikutip dan seandainya data yang dikutip tidak mencapai ketepuan yang maksimum, maka proses pengutipan data akan diteruskan sehingga tahap ketepuan dicapai. Selain itu, seperti yang dinyatakan oleh Charmaz (2006) lagi, proses pengutipan data dan analisis data haruslah dijalankan secara serentak untuk mencapai tahap ketepuan yang maksimum. Ini bermakna, semasa pengkaji mengumpul data kajian, pada masa yang sama pengkaji turut menganalisis data kajian. Proses penganalisan data secara serentak dengan pengumpulan data ini amat penting kerana, seandainya data tidak mencukupi, proses pengumpulan data akan diteruskan lagi. Perincian lebih lanjut mengenai bagaimana pengutipan data dan analisis secara berterusan serta berperingkat dibuat di Bab 3.

Proses menganalisis data secara tematik ini adalah yang disarankan oleh pengasas *Constructivist Grounded Theory* kerana setiap data adalah penting untuk menghasilkan satu kerangka, konsep, atau teori yang baru. Hal inilah yang membezakan reka bentuk *Constructivist Grounded Theory* dengan reka bentuk kajian yang lain.

Pada fasa terakhir, iaitu melibatkan fasa pembinaan. Apabila data telah dianalisis dan telah mencapai tahap ketepuannya, maka pengkaji akan mencadangkan satu konsep amalan pembelajaran berkesan untuk juvana di mana ia terhasil daripada olahan-olahan data kajian. Sesungguhnya konsep yang terbina ini berdasarkan hasil pengutipan data yang melibatkan pelbagai kelompok responden kajian (guru, pentadbir, pakar pendidikan). Apabila konsep telah dibina, ia boleh dijadikan panduan kepada semua pihak, terutamanya buat kumpulan sasaran yang terlibat.





1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Amalan Pembelajaran

Pembelajaran yang berkesan di sekolah pemulihan amatlah kritikal kerana lebih banyak input pendidikan dijalankan ketika sesi tahanan, lebih kurang untuk pesalah muda ini mengulangi perbuatan devian (lihat Mielke, 2023). Secara umumnya, amalan pembelajaran merujuk kepada pendekatan atau strategi yang digunakan oleh para pendidik untuk meningkatkan proses pembelajaran anak didik mereka. Selain itu, dengan adanya sistem pembelajaran di sekolah pemulihan, ia akan menyedarkan mereka serta meningkatkan keyakinan diri mereka (Martha dan Yawe, 2022). Terdapat pelbagai strategi pendekatan pembelajaran yang kerap digunakan dalam dunia akademik, antaranya ialah Problem Based Learning (Gijbels et al., 2021), pembelajaran kolaboratif (Johnson dan Johnson, 2020), pembelajaran berpandukan kepada teknologi semasa (Wang dan Zhou, 2023) serta pembelajaran jenis penilaian (Black dan William, 2022). Oleh yang demikian, kajian ini akan meneroka apakah amalan pembelajaran terbaik yang boleh diketengahkan supaya output akhir dapat dicapai sebelum juvana dibebaskan dari sekolah pemulih.

1.7.2 Juvana

Juvana adalah kumpulan yang telah melakukan delikueni (Abrams, Jordan dan Montero, 2018) dalam komuniti masyarakat. Dalam Akta Kanak-Kanak (2001) pula, juvana adalah golongan kanak-kanak dan remaja yang berumur di bawah 18 tahun. Manakala Juhary et al. (2022) mendefinisikan juvana sebagai mereka yang melibatkan





diri dengan kegiatan yang tidak bermoral, dan kebanyakan negara melebelkan kumpulan ini sebagai kanak-kanak di mana had umurnya tidak melebihi 19 tahun. Dalam konteks kajian ini, juvana merujuk kepada individu yang berada di Sekolah Tunas Bakti, mengikuti kelas akademik dan atau bengkel kemahiran yang berumur di antara 10 tahun hingga 18 tahun sahaja.

1.7.3 Sekolah Pemulihan

Apabila individu kanak-kanak telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah akibat perbuatan delinkuen, maka mereka akan dimasukkan dan ditempatkan ke pusat tahanan juvana atau juga dikenali sebagai pusat pemulihan khas untuk kanak-kanak juvana (lihat Le et al., 2023). Sullivan (2018) juga menerangkan sekolah pemulihan ini ditubuhkan untuk mengetengahkan aktiviti pemulihan berbanding hanya untuk menjatuhkan hukuman, manakala setiap juvana akan digelar sebagai pesalah dan bukannya penjenayah. Sememangnya terdapat beberapa istilah tempat untuk menempatkan juvana; ada yang menggunakan istilah pusat tahanan, institusi pemulihan, dan ada juga yang melabelkannya sebagai sekolah pemulihan. Namun, fungsinya adalah sama iaitu untuk memulihkan juvana. Dalam konteks kajian ini, istilah sekolah pemulihan digunapakai dan ia merujuk kepada sekolah pemulihan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja, iaitu Sekolah Tunas Bakti.





1.7.4 Delikueni

Delikueni ini biasanya digunakan dalam konteks juvana di mana kanak-kanak atau remaja yang telah melanggar undang-undang negara (Khuda, 2019; Mears dan Roberts, 2020; Piquero dan Moffitt, 2021; Timmons et al., 2023). Azizan et al. (2022); Zhang dan Liu (2019); Kumar dan Sharma (2020); Ng (2021); dan Yoshikawa dan Hsiao (2023) juga mendefinisikan delikuen remaja sebagai tingkah laku para remaja yang melanggar undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan di sesebuah negara. Dalam konteks kajian ini, delikueni adalah perilaku yang melanggar undang-undang negara Malaysia yang dilakukan oleh individu berumur 10 hingga 18 tahun.



1.8 Batasan Kajian

Secara asasnya, batasan kajian akan menyatakan tentang had-had sesuatu kajian agar kajian tidak terlalu luas skopnya. Batasan dalam kajian ini merangkumi objektif kajian, lokasi kajian, reka bentuk kajian serta pengumpulan data kajian.

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan pada subtopik 1.3, apabila menyentuh isu mengenai juvana, terdapat pelbagai topik menarik yang boleh dijadikan sebagai kajian, namun pengkaji telah membataskannya kepada empat objektif sahaja disebabkan terdapat pelbagai isu lain yang harus dititikberatkan serta keterbatasan masa.

Batasan kedua adalah lokasi kajian. Lokasi kajian hanya melibatkan tiga buah sekolah pemulihan di Semenanjung Malaysia sahaja yang mana ketiga-tiga buah sekolah pemulihan ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).





Justifikasi pemilihan yang hanya melibatkan tiga buah sekolah pemulihan dibincangkan dengan lebih mendalam pada Bab 3 kajian ini. Secara umumnya, selain JKM, Jabatan Penjara Malaysia (JPM) juga menyediakan sekolah pemulihan untuk juvana yang dikenali sebagai Sekolah Henry Gurney (SHG), tetapi kajian ini telah membataskan untuk memilih sekolah pemulihan juvana di bawah seliaan JKM sahaja.

Selain itu, reka bentuk kajian juga adalah salah satu batasan di dalam kajian ini di mana reka bentuk *Constructivist Grounded Theory* (CGT) telah menjadi pilihan pengkaji. Secara asasnya, CGT adalah satu reka bentuk yang lain daripada reka bentuk yang selalu digunakan oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Perbincangan lebih mendalam dan justifikasi pemilihan reka bentuk kajian *Constructivist Grounded Theory* dibincangkan dalam bab 3 kajian ini.



Tambahan lagi, pendekatan kualitatif iaitu kaedah pensampelan tidak rawak,

iaitu secara spesifik pensampelan bertujuan, digunakan sepanjang proses pengumpulan data dijalankan. Oleh kerana pensampelan bertujuan digunakan, maka data kajian tidak boleh digeneralisasikan sebagaimana pensampelan yang dilaksanakan dalam penyelidikan kuantitatif. Dengan penggunaan pensampelan bertujuan, ia akan membawa kepada pengumpulan data yang lebih tepat seperti yang dibahasakan oleh Abert, Tullis dan Tedesco (2010); Palinkas et al. (2019); Etikan dan Bala (2020); Yin (2021); Creswell dan Poth (2022); Suryani dan Astuti (2023).

Walaupun kaedah ini tidak akan memberi peluang yang sama rata untuk setiap individu dalam kumpulan kajian kerana responden dipilih berdasarkan kriteria pengkaji, namun begitu, melalui kaedah sebegini, ia dapat membantu pengkaji dalam pemilihan responden yang berupaya menjawab persoalan kajian dengan baik agar data





yang tepat diperoleh.

Dalam aspek pengumpulan data pula, terdapat halangan yang telah dikenalpasti dan halangan ini juga menjadi batasan dalam kajian ini. Apabila subjek kajian adalah golongan yang identitinya mestilah dirahsiakan, iaitu juvana, maka data adalah terhad terutamanya data daripada sumber dokumen. Ini juga merupakan sebahagian daripada batasan kajian ini. Tetapi, ketepuan data bagi kajian ini akan diperoleh daripada data temu bual yang melibatkan pelbagai kelompok responden di mana ia dibincangkan di dalam bab 3.

1.9 Kepentingan Kajian



Dengan terlaksananya kajian ini, diharapkan ia dapat memberi gambaran yang sebenar tentang apakah elemen-elemen penting bagi memastikan pembelajaran berkesan berlaku dalam kalangan juvana. Hal ini kerana, setiap individu juvana berhak untuk mendapatkan pendidikan yang bermutu, sama rata dan tanpa bias seperti pelajar-pelajar lain dan sekali gus dapat merealisasikan matlamat Dasar Kanak-Kanak Negara (DKN).

Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi kepentingan utama kepada juvana itu sendiri. Hal ini adalah di mana dapatan menfokuskan tentang pembelajaran berkesan untuk juvana di sekolah pemulihan. Dengan adanya pendidikan yang bermutu untuk juvana, ini akan menambahkan nilai pembangunan dalam diri mereka dan sekaligus tahap pendidikan juvana boleh bergerak selari dan seiring dengan pelajar-pelajar di sekolah harian biasa.





Selain itu, dapatan kajian juga memberi kepentingan kepada pihak JKM kerana, hasil dapatan adalah berdasarkan pandangan guru-guru di sekolah pemulihan, pentadbir sekolah pemulihan dan pakar pendidikan. Maka sudah tentu, dapatan kajian akan memberi informasi berguna dalam usaha menambah baik segala polisi dan dasar yang sedia ada berkaitan pembelajaran juvana ke arah yang lebih memuaskan. Sesungguhnya apabila kajian ini dijalankan, diharapkan ia dapat membantu seluruh tenaga pengajar yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan untuk juvana. Dengan ini, tenaga pengajar akan lebih memahami masalah, keperluan serta kehendak juvana di setiap sekolah pemulihan dan sekaligus dapat memberi bantuan yang maksimum untuk mengajar juvana agar pendidikan mereka dapat bergerak seiring dengan rakan-rakan sebaya yang lain.



1.10 Rumusan

Sebagai rumusan, pendidikan sememangnya penting untuk juvana. Namun, apa yang merisaukan adalah pelbagai masalah yang wujud dalam aspek pembelajaran juvana ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam pernyataan masalah, antara mengapa wujudnya permasalahan ini adalah disebabkan keciciran juvana dalam pelajaran, tidak berminat untuk belajar, kesukaran mengingat mata pelajaran, gangguan emosi, dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, amat perlulah kajian ini dibuat.

Secara spesifiknya, kajian ini memfokuskan kepada penerokaan aspek pengajaran guru, elemen pembelajaran berkesan untuk juvana, agar pada akhirnya satu konsep bersesuaian dapat dicadangkan bagi membantu pembelajaran juvana di sekolah





pemulihan. Sesungguhnya, kepentingan pemberian pendidikan sememangnya ada dinyatakan dalam Akta Kanak-kanak 2001 dan juga Dasar Kanak-kanak Negara, agar para juvana berkembang secara holistik.

Seterusnya, secara keseluruhan, bab ini memberi kefahaman awal kepada pembaca mengenai objektif kajian, persoalan kajian, definisi istilah, kepentingan melaksanakan kajian, dan batasan kajian yang wujud semasa melaksanakan kajian. Selain itu, kerangka konseptual kajian yang bersandarkan kepada reka bentuk *Constructivist Grounded Theory* (CGT) turut dipaparkan agar proses pembinaan kerangka mudah difahami. Diharapkan dengan adanya kajian sebegini, ia dapat memberi input berguna kepada semua pihak yang terlibat dalam pendidikan juvana.

